

Oleh  
ALIAS MOHAMED, dari Kanada

# Ketinggalan ... menahami masalah bangsa

SESUDAH sepuluh tahun "The Malay Dilemma" diterbitkan dan kemudian diarahkan kerajaan, adalah dikuatirinya orang Melayu tidak berada dalam situasi apa yang digelar oleh setengah-setengah cerdik pandai sebagai "lacuna" dan "hiatus", atau zaman kosong dalam masa itu.

Memperhitungkan Federal Publications Pte Ltd, Singapura mula-mula menerbitkan karangan Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad dalam tahun 1970, sewaktu Parlimen bicameral berada dalam tempoh "balusungkaw" 21 bulan akibat Tagedi 13 Mei, 1969, pertanyaan boleh dibuat untuk mencari jawapan sama ada orang Melayu sebenarnya mendapat faedah dari ketidakhadiran pengaliran pesanan yang terkandung da-

lam "The Malay Dilemma" pada masa itu.

Sayugia diingat bahawa segala pesanan, saranan, igoran dan kritik Datuk Seri Dr. Mahathir dalam karangannya itu telah dibendung oleh tambak Johor yang pejal. Hanya sesiapa yang melangkah ke negara Sang Nila Utama sahaja yang mendapat faedah dari "treatise" mengenai bangsa yang bernama Melayu.

Kita menimbulkkan soalan ini berdasarkan premis tunggal, iaitu sesiapa jua orang Melayu yang membaca "The Malay Dilemma" sebagai-baik saja larangan ke atasnya dibatalkan oleh Kementerian Dalam Negeri baru-baru ini, akan segera tersentak dari sesalan dan kealpan betapa ia meresa 10 tahun ketinggalan dalam memahami

masalah bangsanya. Alangkah baiknya jika dalam tahun 1970 itu "The Malay Dilemma" tidak memerlukan tabir tebal, sehingga kita mula terfikir sekarang betapa kecinya orang Melayu,

**■ Kita bukan saja 10 tahun dipermainkan oleh tenaga-tenaga sosio-politik yang naif, yang dicorakkan oleh payung penjajah, yang menyebabkan kita menjadi kita hari ini, malah terasa 100 tahun digelicit dan dilambung oleh kuasa2 tertentu dalam kepimpinan ■**

betapa kelam-kabut dan "nervous" apabila mereka bertentang mata dengan masalah yang mencabar kelangsuhan kuasa politiknya.

Kematangan usia, pengalaman dan penglibatan serta-merta menggelembung perasaan dan

semangat apabila kita membaca karangan putera Melayu Negeri Kedah ini.

Kita bukan saja 10 tahun dipermainkan oleh tenaga-tenaga sosio-politik yang naif, yang dicorakkan oleh payung penjajah,

yang menyebabkan kita menjadi kita hari ini, malah terasa 100 tahun digelicit dan dilambung oleh kuasa-kuasa tertentu dalam kepimpinan.

Dengan jelas kita boleh merasa kepimpinan politik orang Melayu yang diwarnakan oleh imej

Victorian berada dalam keadaan separuh sadar terhadap cita-cita nasionalisme dan agama, yang kita sekarang terima sebagai teras, asas dan umbi kelangsuhan kuasa politik.

Akan tetapi, secara terinci dan esensi, hanya golongan kecil pemerintah saja yang mendapat faedah dari karangan Datuk Seri Dr. Mahathir ketika itu. Seblang besar orang Melayu tidak begitu sadar tentang pandangan-pandangan beliau yang tajam dan "real".

Golongan yang lebih besar rakyat yang mendapat faedah secara langsung dari "The Malay Dilemma" ialah orang bukan Melayu.

Sungguhpun angka-pemasaran dan penjualan buku ini tidak diperolehi dalam tempoh 10 tahun ia diarahkan, tidacklah

ma, orang Melayu bolehlah dianggap telah diterapkan dengan pandangan-pandangan Datuk Seri Dr. Mahathir menerusi dasar-dasar kerajaan masa itu dan selepas Allahyarham Tun.

Akan tetapi, secara terinci dan esensi, hanya golongan kecil pemerintah saja yang mendapat faedah dari karangan Datuk Seri Dr. Mahathir ketika itu. Seblang besar orang Melayu tidak begitu sadar tentang pandangan-pandangan beliau yang tajam dan "real".

Golongan yang lebih besar rakyat yang mendapat faedah secara langsung dari "The Malay Dilemma" ialah orang bukan Melayu. Sungguhpun angka-pemasaran dan penjualan buku ini tidak diperolehi dalam tempoh 10 tahun ia diarahkan, tidacklah



■ Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir.

dapat disangkal bahawa pelangganan-pelangganan utamanya adalah orang bukan Melayu yang sentiasa berulang-ali antara 1969-1974), minat untuk mendalami hujah-hujah dalam "The Malay Dilemma" telah dibuntukan bukan sahaja oleh pengharamannya, akan tetapi juga kerana karangannya dalam bahasa Inggeris.

Yang ingin mengetahui kelantangan Datuk Seri Dr. Mahathir berbicara dalam bahasa nasionalisme dan mengupas bisanya racun imperialisme yang menikam dada orang Melayu dengan daya sasar kewarganegaraan dan migrasi, telah menjadi kumpulan pertama dan terbesar yang mula-mula mendapat faedah dari hujah seorang protagonis nasionalisme ini.

Di Malaysia, permulaan tahun 1970-an adalah tahap awal kesanan dari Dasar Pelajaran Kebangsaan menyerap kolej-kolej dan universiti-universiti.

Ramai dari kumpulan awal pelajar-pelajar Melayu yang dapat masuk ke universiti tempatan ketika itu adalah pemuda-pemuda Melayu yang mendapat didikan Sistem Pelajaran Kebangsaan.

Sungguhpun penyerapan sempurna itu memberi kesan bahawa

pe-muda-pemuda Melayu adalah lebih agresif (seperti adanya lonjak-tunjuk perasaan pelajar antara 1969-1974), minat untuk mendalami hujah-hujah dalam "The Malay Dilemma" telah dibuntukan bukan sahaja oleh pengharamannya, akan tetapi juga kerana karangannya dalam bahasa Inggeris. Golongan yang benar-benar mendapat faedah dan yang berusaha mengatur "strategi-strategi" hasil dari membaca karya Datuk Seri Dr. Mahathir itu ialah orang Cina.

Suatu keadaan dan situasi politik yang berbeza dari status quo bolehlah diharapkan jika pengharman seperti itu tidak wujud dan karangannya ditulis dalam Bahasa Melayu.

Akhbar-akhbar Melayu yang dikatakannya kurang menjadi gelanggang bahan-bahan intelektual, harus akan membuka era baru dalam tempoh 10 tahun itu, bagi membincang dan mengupas hujah-hujah "The Malay Dilemma".

Jika keadaan sempurna itu wujud maka tidak ada keraguan lagi terhadap kemungkinan-munculnya dasar-dasar kerajaan yang lebih jelas dan awal munculan kebuntuperaan.

Bahan asal dari Arkib  
Negara Malaysia